



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KERAJAAN DAN INDUSTRI PERKUKUH KERJASAMA BAGI MELINDUNGI HAK CIPTA DI ERA DIGITAL

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) terus memperkukuh usaha perlindungan hak cipta di Malaysia melalui kerjasama strategik semua pemegang taruh termasuk pemain industri dalam menghadapi cabaran akibat perkembangan pesat dunia digital.

Dalam aspek kesedaran pendaftaran harta intelek dalam konteks hak cipta, dari tahun 2012 hingga 2024, sebanyak 69,442 permohonan Pemberitahuan Secara Sukarela Hak Cipta telah difailkan di Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO). Ini termasuk pelbagai karya kreatif seperti sastera, seni, muzik, filem, dan rakaman bunyi. Peningkatan permohonan hak cipta ini menggambarkan tahap kesedaran yang semakin tinggi di Malaysia mengenai kepentingan melindungi hasil karya dan pengurusan harta intelek.

Perkembangan pesat landskap digital menuntut kepada keperluan strategi dan mekanisme perlindungan hak intelek yang komprehensif sejajar dengan tuntutan zaman. Ini meliputi ancaman pelanggaran hak cipta dan isu cetak rompak digital yang terus meningkat.

Sebagai contoh, berdasarkan kajian oleh *Asia Video Industry Association* (AVIA), Malaysia mencatatkan jumlah tontonan halaman sebanyak 1 billion antara November 2023 hingga Ogos 2024 yang membawa kepada risiko cetak rompak digital.

Sehubungan itu, KPDN melalui MyIPO telah mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk menghalang penyebaran kandungan cetak rompak yang memberi impak buruk kepada pencipta karya dan ekonomi digital negara, termasuk pindaan dalam Akta Hak Cipta 1987.

Akta yang dipinda pada 2022 ini mengenakan hukuman berat terhadap pihak yang melanggar hak cipta digital, dengan denda sehingga RM500,000 dan hukuman penjara sehingga 10 tahun.

Dalam masa yang sama, KPDN dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan penyedia perkhidmatan internet (IPS) telah melaksanakan tindakan sekatan akses terhadap 3,682 laman sesawang haram dari tahun 2021 hingga November 2024 yang menyebarkan kandungan cetak rompak seperti filem dan muzik popular. Ini adalah sebahagian daripada komitmen Kementerian untuk melindungi karya kreatif tempatan daripada dieksploitasi secara haram.

Bagi memperkukuh lagi usaha ini, KPDN juga telah memperkenalkan Program *Cyber Copyright Enforcement* (CyCORE), yang melibatkan kerjasama antara Kementerian, SKMM, IPS, dan pemilik hak cipta. Melalui platform kerjasama ini, KPDN komited untuk menghapuskan pengedaran cetak rompak digital yang berleluasa di internet.

KPDN akan terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai agensi yang terlibat dalam usaha menangani isu cetak rompak digital. Pada masa yang sama, iltizam kerjasama sesama pihak industri juga amat diperlukan bagi memastikan ikhtiar ini bersifat pendekatan seluruh negara (whole-nation approach). Langkah ini penting bagi memastikan karya asli tempatan dilindungi daripada penyalahgunaan dan kekal menjadi kebanggaan negara di peringkat global.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

Kuala Lumpur  
14 Januari 2025

###